From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Friday, 5 August, 2022 8:15:16 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KOMITMEN UUM BANTU TINGKAT EKONOMI NELAYAN

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 OGOS 2022 / 7 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

KOMITMEN UUM BANTU TINGKAT EKONOMI NELAYAN



UUM ONLINE: Selangor - Dalam usaha memajukan industri perikanan negara, Universiti Utara Malaysia (UUM) antara tiga institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Jabatan Perikanan Malaysia (DoF) di Dewan A MAEPS, Serdang, hari ini.

Pemeteraian MoU yang ditandatangani Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah dan Ketua Pengarah Perikanan, Mohd Sufian Sulaiman itu disaksikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee di Majlis Menandatangani MoU antara DoF dengan IPTA bersempena dengan Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show (MAHA) 2022.

Dua IPTA lain yang turut serta dalam sesi menandatangani MoU yang berkuat kuasa bagi tempoh 5 tahun itu ialah Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Ronald dalam temu bual beliau berkata, kerjasama strategik antara DoF dengan IPTA seperti UM, UKM dan UUM itu merupakan langkah yang terbaik dalam perkongsian data dan kajian untuk membangunkan industri perikanan dari aspek sosial dan ekonomi.

Menurutnya, dengan kerjasama melibatkan tiga IPTA itu diharapkan dapat merancakkan lagi pertumbuhan sektor perikanan negara dan pembangunan komuniti nelayan.

“Saya juga berharap kajian yang akan dijalankan dalam pelbagai fokus itu nanti dapat menghasilkan agenda negara untuk membangunkan industri perikanan.

“Dalam era sekarang, semestinya perkongsian data dan kajian akan membantu mempercepatkan pembangunan industri yang terlibat,” katanya.

Sementara itu, Haim Hilman berkata, beliau berharap UUM yang dikenali sebagai universiti pengurusan dapat membantu Jabatan Perikanan untuk membangunkan dari aspek ekonomi dan keusahawanan dalam kalangan nelayan.

Tambahnya, kerjasama tersebut sudah lama dinantikan oleh kedua pihak untuk direalisasikan dan UUM akan memfokuskan kepada penyelidikan tentang pembangunan akademik, rundingan dan penerbitan berkaitan pembangunan ekonomi nelayan.

“Alhamdulillah, saya yakin dan percaya komitmen UUM tidak berbelah bahagi dalam membantu nelayan kita.

“Saya berharap kerjasama ini juga akan memberi satu sumbangan yang baik kepada nelayan di negara ini dalam perkembangan ekonomi dan sosial mereka,” katanya.

Manakala Mohd Sufian pula berkata, MoU itu adalah satu usaha untuk membangun dan memodenkan sektor perikanan negara melalui pengurusan dan pembangunan secara mampan, dinamik dan berdaya saing berasaskan kepada maklumat saintifik dan perkhidmatan berkualiti.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Pembangunan), Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof. Dr. Robiah Yunus.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.